

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7

LIVE HD

Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6



LIVE HD



Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34

LIVE HD

LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37



Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22



Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah telah menerima lawatan daripada Bahagian Pengurusan Aset dan Fasiliti (BPAF) Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) Jabatan Kerja Raya Malaysia, Alor Gajah Melaka pada 29 Mac 2021 (Isnin).

Antara agenda lawatan tersebut ialah taklimat daripada pihak UiTM Kampus Tapah berkaitan pentadbiran kontrak pengurusan fasiliti, pelaksanaan operasi penyenggaraan fasiliti pengurusan aset alih dan aset tak alih di samping lawatan sekitar kampus. Seramai 13 orang telah mengikuti lawatan ini dan terdiri daripada Pengarah BPAF, Jurutera Awam Kanan, Arkitek Kanan, Juruukur Bahan, Jurutera Mekanikal, Penolong Jurutera Awam, Penolong Jurutera Mekanikal, Penolong Jurutera Elektrik, Pembantu Kemahiran, Penjaga Jentera Elektrik dan Pembantu Awam.

Lawatan ke PTAR Kampus Tapah bermula sekitar jam 2.15 petang. Mereka telah diberikan sedikit taklimat ringkas mengenai bangunan dan kemudahan yang terdapat di PTAR Kampus Tapah. Lawatan ini turut mematuhi Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke PTAR Kampus Tapah. Lawatan daripada pihak JKR Alor Gajah Melaka di PTAR Kampus Tapah berakhir sekitar jam 2.40 petang.

